



Berita  
UniMAP

# Berita UniMAP

## Kursus Bina Negara Khas

**KUCHING**, 29 Disember 2010 -Seramai 90 warga UniMAP yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi, Dekan-Dekan, Ketua-Ketua Jabatan, Timbalan-Timbalan Dekan serta Pegawai Pengurusan Kanan berkampung di Santubong, Sarawak bagi menayakan Kursus Bina Negara Khas dan Penetapan Hala Tuju UniMAP 2011-2015.



Selain didedahkan dengan ceramah-ceramah dari tetamu VVIP yang memperkatakan topik-topik menarik, kursus berkenaan yang berlangsung pada 25-29 Disember 2010 lalu itu turut diserikan dengan aktiviti riadah dan tazkirah agama.

Menteri Besar Perlis, Y.A.B. Dato' Seri Dr. Md Isa Sabu yang merasmikan Majlis Penutup kursus, berkata, para cendekiawan UniMAP memainkan peranan penting untuk membawa mahasiswa ke persada dunia. Ujar beliau, tenaga pengajar dan pendidik UniMAP ini memikul amanah bangsa untuk melahirkan bangsa yang berjaya bukan sekadar lulus, tetapi berada dalam kategori cemerlang.

"Saya menaruh harapan yang tinggi kepada UniMAP untuk memperkasakan bangsa kita melalui pendidikan," ujar beliau lagi.

